

Umat Islam Rindu Bertandang Ke Masjid




Oleh : Luqman Hakim Hashim

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 16 Julai 2021

Ramai umat Islam di Malaysia merindui suasana solat berjemaah di masjid atau surau. Mereka tidak dapat menunaikan solat berjemaah di masjid ketika Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dilaksanakan.



Tiada solat berjemaah di masjid.

Mereka hanya dibenarkan solat berjemaah di rumah sahaja bersama ahli keluarga masing-masing. Kerajaan hanya membenarkan beberapa orang jemaah sahaja untuk solat Jumaat dan fardu di masjid.

Berdasarkan kenyataan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS), mulai 1 Jun 2021, hanya 12 jemaah sahaja dibenarkan solat di masjid manakala manakala di surau pula, hadnya adalah tiga orang.

Hanya ahli jawatankuasa masjid serta imam, bilal dan siak surau yang dibenarkan solat berjemaah sepanjang tempoh PKP.

Kerinduan bagi mereka yang selalu solat berjemaah di masjid semakin lama semakin meningkat. Suasana solat berjemaah di masjid jauh berbeza jika dibandingkan solat berjemaah di rumah.

Mereka tahu tentang kelebihan dan keistimewaan bagi mereka yang selalu solat berjemaah di masjid. Rasulullah SAW bersabda bermaksud: “Berilah berita gembira kepada yang berjalan kaki membelah kegelapan malam menuju ke masjid-masjid dengan cahaya yang sempurna pada hari kiamat.” (Hadis riwayat Abu Daud).

Umat Islam juga rindu untuk berulang-alik pergi ke masjid. Ada hadis daripada Rasulullah SAW yang bermaksud: “Bila kamu sekalian melihat seseorang yang sentiasa pergi ke masjid maka persaksikanlah keimanan untuknya.” (Hadis riwayat al-Tirmizi, Ibn Majah dan Ahmad).

Kini, tiada lagi program ilmiah mingguan yang diadakan di masjid dan surau. Aktiviti menimba ilmu sambil duduk bersila dan membuka buku sambil mencatat apa yang disampaikan ustaz di masjid menjadi kenangan terindah.

Walaupun jemaah rindu persekitaran suasana majlis taklim secara *talaqqi*, semangat untuk menuntut ilmu tidak pernah padam dan mereka boleh menyertai aktiviti itu secara maya.

Bukan itu sahaja, aktiviti dan program kemasyarakatan di masjid yang melibatkan masyarakat setempat kini tidak boleh dilaksanakan lagi.

Kebiasaannya, aktiviti-aktiviti yang melibatkan masyarakat seperti gotong-royong perdana, program sembelihan, sambutan Maulidur Rasul, majlis akad nikah, dan sebagainya.

Bagi mereka yang selalu mengimarahkan dan memakmurkan masjid atau surau, mesti di dalam hati mereka perasaan rindu yang teramat sangat untuk melakukan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan tersebut.



Kemeriahan Sambutan Maulidur Rasul sebelum PKP.

PKP telah banyak menyebabkan timbul perasaan rindu dalam hati umat Islam untuk datang ke masjid.

Firman Allah SWT mengenai mereka yang selalu menghidupkan masjid: “Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu adalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.” (Surah at-Taubah ayat 18)

Perasaan rindu di dalam hati seseorang terhadap masjid adalah salah satu tanda wujudnya kemanisan iman di dalam diri. Kerinduan ini tidak datang secara dipaksa dan tidak pula dibuat-buat.

Kerinduan ini datang secara semula jadi kepada mereka yang sentiasa istiqamah dan rajin beribadah kepada Allah SWT.

Dalam hal ini, Rasulullah SAW bersabda dalam hadis yang bermaksud: “Tiga perkara apabila terdapat pada diri seseorang, ia merasai kemanisan iman, siapa yang cintanya kepada Allah dan Rasul lebih daripada cintanya kepada yang lain, siapa yang cintanya kepada orang lain hanya kerana Allah (dan bukan kerana suatu tujuan duniawi) dan ia membenci kembali kepada kekufuran selepas Allah menyelamatkannya (daripada kekufuran), sebagaimana bencinya akan dicampakkan ke dalam api neraka.” (Hadis riwayat Muslim)